

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN
MD. RAMLI (LUMUT)**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah peluang pekerjaan baru yang dapat diwujudkan mengikut sektor sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perkembangan dan prospek pasaran pekerjaan disokong oleh pelbagai faktor, antaranya termasuklah pertumbuhan ekonomi, aktiviti perdagangan yang rancak, peningkatan projek pelaburan, serta kesediaan tahap kemahiran pekerja mengikut keperluan industri.

Dalam hal ini, untuk merealisasikan strategi menjana dan mengekalkan pekerjaan, selaras dengan matlamat pertama iaitu 'Kesejahteraan Rakyat', **Majlis Pekerjaan Negara atau *National Employment Council (NEC)* telah ditubuhkan** bagi memantau strategi penciptaan peluang pekerjaan dengan memastikan pemulihan dan rangsangan sektor ekonomi di Malaysia berjaya dilaksanakan secara menyeluruh.

Strategi yang dilaksanakan juga berpandu kepada data dan sepadan dengan permintaan industri semasa, di samping mengambil kira faktor kesejahteraan rakyat serta tahap ketahanan ekonomi negara. Bagi tahun 2021, NEC mensasarkan penawaran sebanyak 500,000 peluang pekerjaan kepada rakyat.

Menerusi NEC, pelbagai inisiatif telah direncana oleh pihak Kerajaan dalam mengekalkan dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu untuk rakyat pasca pandemik COVID-19.

Inisiatif ini yang dipantau di bawah lima (5) Pasukan Petugas Khas (*Specialised Task Force - STF*) iaitu STF Human Resource & Entrepreneurship (HRE), STF National Education (NE), STF TVET, STF Real Economy (RE) dan STF DeepTech & FutureJobs (DF).

Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah dilantik sebagai Pengerusi Bersama bagi Pasukan Petugas Khas iaitu *Human Resource and Entrepreneurship (HRE)*.

SOALAN NO: 58

Pasukan Petugas Khas HRE memainkan peranan yang amat penting dalam menyokong peranan NEC melalui beberapa objektif utama iaitu:

- a) untuk meningkatkan penciptaan pekerjaan, memaksimumkan tahap pengekalan pekerjaan;
- b) membuat padanan pekerjaan secara komprehensif bagi mengatasi isu *underemployment*; dan
- c) mengkaji dan merangka mekanisma perlindungan keselamatan sosial bagi pekerjaan sendiri.

Sehingga 9 Julai 2021, Pasukan Petugas Khas HRE telah mencapai KPI sebanyak 73% iaitu 266,742 daripada 367,500 sasaran yang ditetapkan bagi jumlah penempatan pekerjaan dan penciptaan pendapatan.

Antara inisiatif utama di bawah Pasukan Petugas Khas HRE adalah seperti berikut:

- (i) Program ***Upskilling & Reskilling*** di bawah Bajet 2021 melibatkan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ia turut melibatkan penyertaan peneraju sektor swasta seperti MDEC, IRDA, NCIA, RECODA, ECERDC dan SEDIA;
- (ii) Inisiatif **PenjanaKerjaya** oleh PERKESO bagi memastikan isu ketidaksepadanan dalam penawaran dan permintaan pekerjaan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehpekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan dapat diatasi; dan
- (iii) Meluaskan **jaringan keselamatan sosial** kepada golongan pekerja *informal* untuk mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

SOALAN NO: 58

Di bawah pemantauan STF HRE, MITI turut melaksanakan program PENJANA Upskilling & Reskilling MITI & Agensi yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan latihan semula guna tenaga tempatan. Menerusi agensi-agensi di bawah MITI seperti MIDA, MARii, HDC, InvestKL dan MSI, program-program ini mensasarkan penempatan pekerjaan atau penjanaaan pendapatan baharu kepada kumpulan graduan tempatan, belia, penganggur atau individu yang diberhentikan atau hilang pekerjaan.

Melalui STF TVET, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memantau strategi penciptaan peluang pekerjaan dalam bidang TVET yang bertujuan memadankan graduan TVET negara dengan industri yang memerlukan kemahiran teknikal, agar dapat menyokong keperluan perkembangan industri.

Bagi memantau strategi dan mengenalpasti sektor-sektor pertumbuhan ekonomi baru yang berupaya menjana peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, MITI dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah diberi tanggungjawab ini melalui STF RE.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL minta **Menteri Kesihatan** menyatakan, adakah pihak Kementerian Kesihatan akan memantau bekas pesakit COVID-19 yang telah sembuh setelah dibenarkan pulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setiap pesakit COVID-19 yang telah mendapatkan rawatan akan dipantau dan diberikan temujanji selepas discaj daripada hospital terutama bagi yang mengalami komplikasi tertentu atau yang dijangkakan mengalami gejala *long COVID*.

2. Jangkitan COVID-19 adalah disebabkan oleh *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus-2* (SARS-CoV-2). Kebanyakan pesakit yang dijangkiti COVID-19 akan pulih dan kembali sihat, namun sebilangan kecil mungkin mengalami keadaan dipanggil "*long COVID*" yang merangkumi sama ada "*ongoing symptomatic COVID*" atau "*post COVID syndrome*".

Tuan Yang di Pertua,

3. Bagi tujuan pemantauan secara holistik serta komprehensif, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membangunkan satu protokol

rawatan yang khusus bagi bekas pesakit COVID-19. Protokol ini dibangunkan oleh satu pasukan yang terdiri daripada pelbagai disiplin kepakaran.

4. Secara amnya, pemantauan bagi semua bekas pesakit COVID-19 yang telah sembuh adalah seperti di bawah:

- (i) Pesakit COVID-19 Kategori 4 dan 5 akan dirujuk dan diberikan temujanji di Klinik Pakar yang bersesuaian bergantung kepada diagnosa akhir mereka, sejeurus dibenarkan pulang ke rumah.
- (ii) Bagi pesakit yang mempunyai *co-morbidity* atau mempunyai penyakit kronik yang lain seperti darah tinggi, diabetes dan sebagainya, mereka akan diminta untuk meneruskan rawatan susulan di fasiliti kesihatan seperti yang telah dijadualkan sebelum mereka dijangkiti COVID-19. Sekiranya mereka tidak mempunyai rawatan susulan biasa, mereka akan dirujuk kepada pakar tertentu dan diberikan temujanji susulan sebelum dibenarkan pulang ke rumah.
- (iii) Bekas pesakit COVID-19 juga boleh mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan awam / swasta yang berhampiran secara *walk-in* sekiranya mempunyai sebarang gejala.
- (iv) Bagi pesakit yang mengalami gejala dan simptom yang semakin teruk semasa dalam tempoh pemantauan dan memerlukan rawatan segera, mereka akan dimasukkan ke hospital bagi mendapatkan rawatan lanjut.

Tuan Yang di Pertua,

5. Sehingga kini, masih banyak perkara yang belum diketahui bagaimana COVID-19 akan mempengaruhi kehidupan manusia dari masa ke semasa. Terdapat banyak penyelidikan yang sedang dijalankan diseluruh dunia bagi memastikan pengurusan dan perawatan bekas pesakit COVID-19 atau *post COVID syndrome* adalah berdasarkan "*evidence based medicine*".

SOALAN NO : 59

6. Oleh itu, perlu ditekankan bahawa tindakan pencegahan perlu diamalkan bagi mengawal penularan COVID-19 selaras dengan konsep CAPP iaitu cegah dan didik, amal, patuh dan pantau. Ini termasuk pemakaian pelitup muka, mengamalkan penjarakan fizikal, menghindari kawasan yang sesak dan ramai orang, menjaga kebersihan tangan serta mendapatkan vaksinasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan proses yang dilalui oleh Kerajaan dalam pemerolehan vaksin COVID-19 dan bagaimana harga-harga vaksin berkenaan ditentukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Pusat telah melaksanakan pendekatan pelbagai hala (*multi-pronged approach*) bagi membolehkan Malaysia memperolehi jaminan akses kepada bekalan vaksin COVID-19 yang giat dibangunkan di seluruh dunia.

2. Kerjasama strategik antarabangsa sama ada multilateral ataupun bilateral merupakan langkah Malaysia dalam mendukung aspirasi nasional dan usaha solidariti global ke arah memerangi COVID-19. Ia membantu dalam mempelbagaikan pilihan perolehan vaksin untuk negara dan bagi mengurangkan kebergantungan kepada satu sumber sahaja.

3. Rundingan dengan pengeluar-pengeluar vaksin COVID-19 bukan sahaja diteliti dari sudut teknikal seperti ketahanan, kaedah, kestabilan, kontraindikasi, penduduk sasaran, keselamatan, keberkesanan, dos, pendaftaran dan akses, tetapi juga sudut komersial iaitu harga, pemulangan pembayaran, jadual penghantaran, bayaran pendahuluan dan juga logistik. Selain itu, rundingan turut meliputi aspek kerjasama dan nilai tambah kepada pembangunan vaksin negara. Ini termasuklah melakukan proses pengilangan vaksin secara *fill and finish*, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pemindahan teknologi dan pembuatan (manufacturing) vaksin.

4. Harga vaksin telah dirundingkan oleh pihak Kerajaan dengan pengeluar/pembekal dan proses rundingan dan perolehan vaksin adalah mematuhi berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) perolehan vaksin yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.